

Headline	45 kelas sertai CALTEX Fuel Your School		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)	Color	Full Color
Date	18 Jul 2013	Circulation	231,163
Section	News	Readership	1,368,000
Page No	N5	ArticleSize	188 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 4,210
Journalist	N/A	PR Value	RM 12,629
Frequency	Daily		



45 kelas sertai 'CALTEX Fuel Your School'

Johor Bahru: Sebanyak 45 kelas yang boleh dimanfaatkan sekitar Johor dan Kedah disenarai pendek bagi mengikuti program komuniti sekolah 'CALTEX Fuel Your School' anjuran Chevron Malaysia Limited menerusi rangkaian stesen minyak CALTEX.

Pemilihan dibuat berdasarkan keperluan sekolah berkenaan yang mempunyai lebih 50 peratus isi rumah berpendapatan rendah, selain memerlukan sokongan pembelajaran.

Antara yang terpilih di Johor ialah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Johor Bahru (SKPKJB), Sekolah Kebangsaan (SK) Masai dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura (SMPKVI) di Kulaijaya.

Pengerusi dan Pengasas Yayasan MyKasih, Dr Ngau Boon Keat, berkata program itu membabitkan kerjasama yayasan yang bertumpu terhadap usaha meningkatkan pembelajaran Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Dibekalkan projek RM5,000

"Kempen kemasyarakatan ini akan dibekalkan dengan bahan projek bernilai hingga RM5,000

yang boleh dimanfaatkan semua kelas terpilih. Sebelum Johor dan Kedah, projek sama dilaksanakan di Pulau Pinang.

"Berdasarkan permerhatian, kita dapatkan sekolah terpilih mempunyai keperluan khas dan program ini meningkatkan motivasi murid menerusi proses pendidikan," katanya.

Menerusi program terbabit, Boon Keat berkata, murid di SKPKJB diberi peluang meluahkan perasaan dengan cara kreatif selain menggunakan teknik fotografi.

"SK Masai diberi komputer bimbit manakala SMPKVI di-dedahkan dengan ilustrasi bagi membantu mereka menggunakan bahasa isyarat, selain memanfaatkan ke-mudahan carian dalam talian," katanya.

Maklumat lanjut mengenai program terbabit boleh diperoleh dengan melayari www.caltek.com.my/fuelyourschool

dan penyertaan orang awam bagi mengundi kelas terbabit boleh dibuat hingga 31 Julai ini.



Pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura (SMPKVI) yang terpilih menyertai program 'Caltex Fuel Your School' yang dianjurkan Chevron Malaysia Limited menerusi rangkaian stesen minyak Caltex di sekolahnya.

[FOTO MAHANI ISHAK/BH]